

"pelawok atah darak tong!!!"

idea adalah untuk semua
sebarluaskan tanpa hak cipta

Jerangkung Dalam Almari



++muntahan minda ntah apa-apa
bil. 1 oktober 2004

RM2ppd

menampilkan
xTIMMY THRASHOPx



Sekapur Kasut...

Terus-terang aku cakap, zine yang korang pegang ni aku buat tidak secara serious. Hanya beberapa minggu je dah siap. Dalam masa sebulan gitu. Saja je mengisi masa lapang. Lagipun kat tempat aku ni hari-hari hujan. Jadi ada jugak bende aku nak buat. Zine ni kira macam zine side-projeklah. Tak serious macam aku buat Mosh dulu mahupun buat zine Coalition sekarang.

Zine ni zine personal. Politik zine ni pun memang personal. Maaf jika ada banyak bende dalam zine ni yang bercanggah dengan politik dan etika korang. Aku cuba membuka minda aku seluas yang mungkin dan tidak hanya mengikut politik orang secara buta.

Aku semacam tak boleh lari dari 'menerbitkan' publikasi. Semenjak sekolah rendah, dengan melukis komik. Kelakar jugak bila kenang kembali zaman budak-budak dulu. Tiba darjah 4 aku mula agak serius membikin komik. Kalau sebelum tu hanya meniru karektor dari komik/kartun sedia ada, darjah 4 mula mencipta karektor sendiri. Aku lukis dengan kawan-kawan. Tiga orang je. Cerita pasal budak nakal main skateboardlah. Dan juga tak boleh lari super heroes dengan mutan jahat. Heh.

Lepas tu kenal apa tu underground, grunge, punk, hardcore, skate. Buat zine nama Mosh. Best-dapat ramai kawan dan kenalan bukan saja dari dalam negara. Jugak dibantu kawan-kawan. Biarlah tak sekepala pun. Pastu buat The Coalition, ramai-ramai. Kolektif. Bila isu kedua delay lama sangat, aku buat dan release Mosh #8. Isu terakhir. Sekarang ni The Coalition #5 delay lagi, aku tulis lagi. Sebab tu lah adanya zine ni kat tangan korang. Aku minat lagi melukis. Masa kecik orang ramai kata aku berbakat. Tapi aku rasa bakat aku tu tak berkembang lansung. Masih macam aku lukis masa darjah 4 dulu. Idea pun tak kunjung tiba.

Untuk isu ni, takde apa yang menarik pun. Hanyalah coret-coret minda kusut aku ni. Ada beberapa keeping surat yang menarik yang lama dan yang baru. Satu survey **(perhatian: personal-personal subjek survey hanya membuahkan pendapat personal mereka. Tak semestinya mereka betul kerana ada antara mereka bukanlah mat atau minah punk/HC, jadi untuk ilmu punk yang lebih mendalam cubalah beli dan baca zine-zine punk/HC yang berlambak kat luar sana tu, usaha!).** Sempat jugak aku temuramah xTimmy Thrashopx, budak thrash yang suka hiphop tu. Yalah, sape nak baca zine yang takde interview, tapi memang ada beberapa perkara yang aku nak cungkil dari dia ni.

Enjoy. "nizAAAng"

Sebarai best & main sokmo: Against All Authority (AAA), Rambo tour cass, Domestik Doktrin-manufakturing karma, Eleven, Aghast-polaroid, Inikah Hidup-reh tape, Tribute to pilgrims-master CD, Bad Brains vcd, Sum 41-does this look infected?, Journal/Hilang Punca zine, White Chicks movie, friendster.com, gi beli kuih kat bazaar ramadhan ngan Awang, Muiz and Matyi, adobe illustrator...

Beware!
Narrow-mindeds are all around
and they want to kill all of you!

koleksizine.blogspot.com

nervous RECHORDS

distro list
november '04

NEW STUFFS!

Jerangkung Dalam Almari zine #1. Personal punk writings, survey, reviews and interview with xTimmy Thrashhopx of xStanpoint Of Mindx Zine. RM2ppd

Bonds Of Old Skool (ner 06) CD. Malaysian old skool hardcore/punk compilation. Nervous co-released with other 5 labels. Feat: Grace Division (kemaman), nostalgia (batu pahat), uphold (kedah), cookie monster (seremban), last minute, eleven, channel x, kids on the move and second combat (klang valley). pro-printed booklet and pro-duplicated CD. RM12ppd

Chrome zine #4. Discussion with Huzaiba of Maximum Think and Wan Hazril of Cactus Distro. RM1+stamps.

Sleepy Jeremy "Naked Live Show" vcd-r (pro02). First ever band to put out a video clip from Terengganu. Also 6 indie rocking songs taken live at their live show. Plus free newsletter. Not to mention, color cover. RM4+stamps.

Jellybelly "the hooha hooligans" t-shirt. RM17

Dully Dog "Nobody Understands" t-shirt. RM17

Kasih Sayang "the bitch" t-shirt. RM17

Pro-pressing cass (RM$5+stamps)

Bollok Wok Vol. 2 (ner03). Hometown compilation with various music background. Foes, Kasih Sayang, DUlly Dog, Jellybelly, Emily Died Yesterday, etc.

Dully Dog "Nobody Understands" (ner04) - punk rock poppy stuffs.

Pro-sleeve with dubbed cassettes (RM$4ppd)

Jellybelly "waiting for..." demo (ner02). punk rock from hometown, old rusty demo.

Bollok Wok vol. 1 (ronin01). hometown compilation with various music backgrounds. Strict Tease, Quiet Rot, Aftermath, System Blank, Old Parasite, etc.

CD

Tosho Dalmos cd-r. Hardcore from UTM kids like Never Ending Threat. RM5ppd.

Rai Ko Ris/Relationsheep cd-r. Political punk rock from Nepal and Malaysia. Comes with pro-printed cover sleeve and a lyric sheets. RM5+stamps.

Dully Dog "Picture of you" demo cd-r (ner05). popish punk rock. RM4+stamps.

Zines

Yellow and Orange #1. Questionaire with din akar, nizang, angah battlegrounds and Farid humilited grapes. Interview with Vitamin X and a writer. From PD/RM1+stamps.

The Coalition #4. Pro-printed A4 zine from hometown, interviews with Joe Kidd, No System and Brain Failure. Columns, articles, photos, reviews, etc. RM3ppd

COMING SOON!

~~Thrashhopx of xStanpoint Of Mindx Zine. RM2+stamps~~

Silbato s/t tape (bull01). Hope of the Italian screamo scene. Re-released by a Bangi-based label, Bullwhip. RM6ppd.

The Coalition zine #5. A collective zine with interviews: Freygyle and Sharon Stoned (both Malaysians), plusthe usual stuffs. Poems by a US prisoner and political cartoonss by Latuff, Brasil. RM4ppd.

Reminder:

Please write your address clearly EVERYTIME you order any stuffs. This is because I don't keep every letters, only the nice ones. Don't send coins. All money order should be written to AHMAD NIZAMUDDIN ABDULLAH. But we prefer cash. Send stamp if it requires so.

Write to: **NIZANG NERVOUS**
911-A Lorong Kenangan, Jalan Sultan Mahmud,
20400 Kuala Terengganu, Malaysia. or

nervousrecs@email.com
www.mempelam.blogspot.com

MAKING PUNK HC
MORE THAN JUST FASHION
OR TREND



aku, la okey, kerana ini adalah Terengganu, jika tidak dirakam menggunakan software computer, camne lagi nak dapat kualiti rakaman yang ok di sini. Mana ada studio yang boleh rakam secara proper di sini buat masa ni? Band-band di terengganu tiada pilihan lain. Takkanlah band kat sini nak bergantung pada rilisan rakaman live saja sampai bila-bila. Anyway, dalam CD ni ada 9 lagu brit/streetpunk. Ada lagu pasal taknak jadi rockstar, bundle hari jumaat, funfair pesta pantai, polis bangsat dan lain-lain. Kualiti sound yang amat bagus. Cuba dulu baru tahu! 1160-A, KM 8, Taman Purnama, 20400 Kuala Ibai, Kuala Terengganu, Malaysia. Atau bijorke@netscape.net

Sleepy Jeremy "Naked Live Show" video cd (PlanetLove)/RM4+stem Planet Love adalah satu label baru dari Terengganu. Sebelum ni mereka ada rilis cd G7 yang amat best tu main experimental drum and bass noisy short tunes. Kali ni, mereka merilis CD video Sleepy Jeremy. Aku rasa merekalah band ketama kat Terengganu ni yang buat videoclip. Siap dengan storyboard, berlakon, hero, heroin semua. Hahaha. Lagi 6 lagu yang dimuatkan diambil pada salah satu show mereka. Izhan Lot 19141, Jalan Lapangan Terbang, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. sleepy@givepeaceachance.com

All These While/Highscore split CD (Life On The Edge/Inferior666)/RM10+stem ATW merupakan band yang belum pernah aku dengar sebelum ni, tup-tup baca review dlm web Joe Kidd, pastu aku pun terasa nak beli kat gig. Band ni band terbaru dari Shammir (dulu 24 Reasons) dan lain-lain yang aku kurang kenal. Mungkin bebudak Basement Recordstore kot. Lagu mereka amat fastcore/thrash dan pendek. Tiada lagu yang mencecah satu setengah minit. Vocal agak kelam kabut sikit dan kurang kemas tapi sound kualiti memang jelas. Lirik mengenai perang, anti-rasis, persahabatan dan lain-lain. Highscore merupakan kugiran France yang tidak asing lagi bagi pemuda-pemudi hardcore jelata. Memainkan irama old skool HC yang laju tak laju jugak. Lirik mengenai ketipikalan remaja hardcore yang palsu dan membosankan, malas gi kerja, dan lain-lain la. Beli sendiri. Boleh tahan ni. Diedar oleh Sangsara records, P.O. Box 13288, 50806, Kuala Lumpur, Malaysia. Sangsara_rec@yahoo.com

Kids On The Move "More X Crew" CDr (United Front)/RM5+stem Wah, old skool hardcore yang begitu melodik sekali di sini, berbanding dengan 2 lagu mereka dalam kompilasi pertama tadi. Kena dengan citarasa aku. Kugiran ini dahulu dikenali sebagai Division One Champs, tetapi ditukar kerana didapati sudah ada band yang pakai nama yang sama. 4 lagu, dram pantas, nyanyi ramai-ramai, gitar yang begitu melodic sekali, lirik yang bermesej. Mesej-mesej yang agak tipikal untuk kugiran hardcore seperti persahabatan, bersatu bertindak, kehidupan sXe, tolong-menolong dll, Ahli kugiran ini juga aktif dalam kolektif yang mereka tubuhkan, Paranoid Collective yang cuba manaikkan scene hardcore/punk dan skateboard di tempat mereka. Direkemen. Hubungi band atau kolektif di xNinjax, 4, Lorong Setia 1D, Taman Setia 41200 Klang, Selangor atau xninjax@positive-thinking.com

Bad Brains VCD (Kassim Selamat Prod)/RM5+stamps Okay, aku pernah dengar satu lagu je dari band ni sebelum ni iaitu "Pay To Cum" kalau tak silap aku dalam sebuah kompilasi kaset band punk lama-lama. Kalau korang suka baca tersenarai! Tapi siapa yang kenal band ni pada hari ini? Mungkin ramai yang hanya pernah dengar nama je. Jadi, Kassim Selamat Prod mengambil inisiatif untuk memuat-turun banyak video-video punk lama dari Internet dan jual kat budak-budak. Aku memang suka band punk lama sebab mereka ni unik, stail mereka tersendiri. Antara kugiran lain yang Kassim ada jual macam Conflict dan Subhumans. Dalam VCD ni ada 3 file iaitu Live di CBGB, live di Daytona dan interview & promo. Band ni unik dan bagus menggabungkan hardcore (cara mereka sendiri) dan reggae. Mereka terpengaruh dengan keberontakan Sex Pistols dan reggae political dari Bob Marley. kassimokassim@hotmail.com

sEnyaP tUpAh...

xRagex #3 zine/RM2 Ok, sebenarnya zine ni dah tukar nama dan dah pun release #4nya dengan nama Chrome. Tapi aku lagi suke isu ni, lagipun aku baru dapat isu ni. Isu ni pun lagi kemas berbanding isu ke-4nya, entah apsal. Hanya satu interview dengan band grunge Mushbuttons. Banyak tulisan peribadi editor mengenai gig-gig yang dikunjungi tahun lepas termasuk gig Dialectical Boredominism yang aku organize dengan Mat Yie tu. Banyak gambar-gambar kenangan dan gambo gig. Ada column pasal Rachel Corrie yang di lenyek bulldozer tentera zionis ketika menjadi benteng manusia membantah tentera zionis merobohkan kediaman rakyat palestin, kemanusiaan di Acheh, dll. xAh ChongX, (address at the letters pages)

XNever Say DieX #10 newsletter/percuma Newsletter dari Kota Singa ni agak menarik dari segi layoutnya! Menampilkan satu temuramah iaitu bersama Encik Fast Kidd dari kukugiran Fastgame dan bercerita tentang aktivitinya dan scene KL amnya. Juga terdapat cerita rekaan tentang scene Kota Singa dan juga review bahan bunyi-bunyian. Tidak ketinggalan khabar angin dan berita dari singapura/Malaysia. Komunikasi di Hayatullah (ato), BLK 110, Bedok North Road, #02-2288, S (46110), Singapore or xneversaydie_88x@hotmail.com

xBerbicara Mengenai Sesuatux #1 zine/RM2+stem Hah zine ni baru sampai ke rumah aku tengah hari tadi. Aku dah baca hampir keseluruhan zine nilah. Tinggal beberapa artikel aje lagi. So far, so good. Scene HC/punk di Perak dah mati? Zine ni adalah antara pemangkin untuk menggalakkan pertumbuhan semula scene HC/punk di Perak. Terdapat satu ruangan diskusi yang bersoalkan seputar soalan mengenai scene, anarki, teknologi, globalisasi, dan lain-lain. Terdapat banyak artikel pendek-pendek antaranya mengenai "chenta dan seks", "legalisasi ganja" dan beberapa gig dan scene report. Tidak ketinggalan terdapat ulasan bahan bunyi-bunyian dan juga video CD. Tapi aku rasa kekurangan sikit pada zine ni iaitu dari segi gambarnya. Alah, Khalil ko bedal je gambo-gambo kat internet OK gak ape...hahahaha. Boleh merehatkan mata kata Zaki. Mohd Khalil, No. 70, Hala 8, Taman Meru 2B, 30020 Ipoh, Perak, Malaysia atau kepala_keraz@yahoo.com
(*semua ulasan oleh encik Roslan Aziz, Sheila Majid dan Paul Moss)

Tempikan Keluar (shout outs)

Marla Mustafa, budak-budak KT yang ramai nak sebut satu-satu Ashekin, Azimah & bebudak Kuantan (thanks sbb bawak jalan-jalan kat Kuantan haritu), bebudak rumah MatYie yang bagi aku menumpang tido masa aku ke KL, Silverwave Crew, Joe and Gegey Crew.



jerangkUng dalam almari

Introduksi

Assalamualaikum. Aku datang dengan zine baru. Tapi tengok pada feedbacklah. Belum tentu ada isu seterusnya. Kebelakangan ni, aku banyak baca zine personal. Ada yang best, ada yang boring. Biasalah. Kata Din Akar, "punk itu kehidupan, jadi menulis tentang kehidupan adalah punk". Lebih kurang macam tu lah. Zine personal yang paling best pernah aku baca kat Malaysia ni, Journal/Hilang Punca (kumprinx/pp). Memang best. Trylah cari dan baca. Oh ada lagi, Commom People (donna), Roots (din), xStandpoint Of Minex (Timmy) dan Cronically Donut (Jimbor). Zine kolektif paling best tempatan, Callus (bebudak callus collective). Tapi sayang satu isu je keluar.

Komunikasi dan maklum balas di sini: En. Ahmad Nizamuddin Abdullah (XnizangX), 911-A Lorong Kenangan, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu, Malaysia. kalangcatmagik@hotmail.com

Lawat mempelam online di sini: www.mempelam.blogspot.com

Tak payah hantar sms, aku takde kredit nak balas. Hahaha! Simpan je kredit untuk AFUNDI musim ke-3, peng!!!!

Surat Untuk Majalah skate.

Intro lagi: Baru-baru ni aku ada terbeli majalah skate sebab cover depan dia cun gilerr. Pastu ada iklan Climax (company Pa'din jual produk skate), tetiba rasa nak beli setelah lama tak beli majalah skate. Pastu kat muka akhir ada artikel pasal "rokok dan perempuan". Lepas baca, ada beberapa bende dalam artikel tu yang aku tak setuju, aku pun bukak pc dan type. Konon nak hantar kat majalah tu lah. Memang aku hantar pun, tapi ta k tahulah diorang siarkan ke tak sebab aku tengok takde pun ruangan surat pembaca. Mungkin sebab baru isu kedua. Aku ada jugak cita-cita nak jadi penulis, jadi nilah percubaan pertama aku menulis 'untuk majalah' mengenai topic yang takde kene-mengena dengan muzik underground. Jadi aku taruk surat aku tu kat sini, boleh gak berkongsi walaupun idea ni adalah idea basic bagi kamu bebudak hadko/pang.

pendek akal

korang adalah kali pertama aku membeli majalah ni. Faktor utama yang menarik perhatian aku adalah foto covernya yang begitu cun. Angle yang cun.
Secara keseluruhannya, majalah korang ni sangatlah OK berbanding majalah Revolution yang hancur dan rosak teruk selepas pemergian orang kuat yang memulakan majalah tu (Fazley, Ian, Padin, etc).
Aku terpanggil untuk memberi pendapat aku mengenai artikel pada muka akhir iaitu berkaitan wanita dan rokok. Well, mungkin itu adalah artikel 'filler' bagi korang dan mungkin budak-budak yang beli tak baca pun. Tapi bagi aku, artikel macam tu bagus untuk didedahkan. Tapi persoalannya, kenapa hanya ditekankan bahawa rokok dan wanita yang kurang elok atau kurang sopan. Mungkin perkataan 'seksis' adalah agak asing bagi remaja di Malaysia suatu tika dahulu, tapi sekarang tidak lagi apabila Anita Sarawak ada membawa lagu bertajuk yang 'Seksis'. Walaupun ramai yang tersalah anggap bahawa seksis itu bermaksud 'seksi' atau apa-apa lagi. Lebih meyedihkan, ada juga yang tidak ingin langsung memahami apa maksud perkataan itu.
Bagi aku, merokok adalah tabiat yang membahayakan kesihatan, alam sekitar dan membazirkan wang. Jadi, tidak perlu dikatakan bahawa perempuan tidak elok merokok kerana lelaki dan perempuan kedua-duanya tidak elok merokok.

Ramai yang tersalah anggap bahawa seksis itu bermaksud 'seksi'

Tidak dinafikan ramai skaters kat Malaysia ni merokok. Baru-baru ni (tak baru jugaklah) aku ada pergi ke skate demo yang dianjurkan oleh seorang rakan di sini dan kelihatan ramai budak-budak bawah umur dan budak sekolah (skaters sendiri) yang mengambil kesempatan untuk menjadikan acara ini sebagai pesta rokok bawah umur. Ini amat menyedihkan bagi aku. Apa kata pengunjung dewasa yang datang ke acara seperti ini?
Sedikit persoalan di sini. Apa yang aku lihat majoriti remaja lelaki mula *berjinak dengan rokok pada umur* 13-14. *Telah dibuktikan secara saintifik bahawa* remaja perempuan lebih awal matang dari lelaki iaitu sekitar umur 12-13, manakala lelaki mungkin 16-17. (Ini hanya andaian dari pengamatan aku). Jadi jika perokok lelaki itu ramai, aku rasa adalah kerana mereka cuba berjinak ketika mereka masih tidak matang atau kata lain masih [redacted] Tetapi perempuan matang pada umur yang awal, jadi pada usia berapa mereka berjinak dengan rokok? Atau mereka sudah waras benar berfikir tetapi cuba kerana nak nampak 'cool'? Hahahha!
Dalam majalah korang tu ada tulis, isu hangat akan datang adalah mengenai pelacur melayu. Kenapa perlu ada seksis dan rasis dalam pengolahan isu semasa yang korang ingin buat. Jadi lepas ni apa? Tidak perlu ada?

Tidak perlu ada? Ageist pula? Bende yang tidak patut dibuat oleh golongan tua atau muda pula?? Tidak perlu aku rasa...kata kesamarataan, kata adil. Kalau bende itu tidak elok, ia tidak elok untuk semua orang. Tidak perlu dinyatakan ia tidak elok untuk jantina itu saja, peringkat umur itu saja, bangsa itu sahaja, bla b la...
Korang sendiri (walaupun bukan penulis yang sama) ada menyatakan sesuatu tentang kesamarataan (equality) dalam majalah korang. Sori, aku lupa muka surat berapa.

"Buat apa nak malu. Kita anti rokok. Bukannya anti-perokok" -xHuzairi Nostalgiax, old skool atas muka.

p/s: Jadi member-member aku yang hisap rokok tu tak payah malu/segan ngan aku. Macam kata Huzairi kat atas tu. Aku tak suka rokok, bukannya tak suka perokok. Paham????

MamaJiwa: Don't know how to play instruments, don't smoke, keep some money and release friend's recordings

Punk Kotor

Masih terngiang-ngiang kata-kata member aku masa minum kat kedai tepi air semalam. Dalam perjalanan balik petang semalam pun kepala otak aku terfikir panjang berligat tentang apa yang diperkatakan. Member kami si A cerita kawannya (yang main band streetpunk) mengeluh, "dah berapa tahun jamming, tapi masih tak kemana".
B pun kata, "dekpong, main punk kotor". A tanya balik "doh punk bersih tu macam mana?"
"Punk bersih tu punk kayalah".
Aku pun fikir sendiri aku ni punk kotor ke punk bersih? Aku tak kaya. Tapi aku yakin aku bersih dari dadah, arak dan rokok. Punk positif. Saja aku malas nak tanya panjang lebar lagi. Entah kenapa.
Bukannya band streetpunk tak boleh pergi jauh, boleh sangat kalau kena dengan caranya. Buat flyer, promote demo. Ni tak, setakat jual demo kat jamming studio di tempat sendiri memanglah susah orang nak kenal.
Aku dengar demo band tu best jugak. Kalau promote *gerenti ada budak-budak punk belah KL ajak main gig.* Kalau nak *mengharap orang datang cari, janga haraplah.* Rockstar sangat ke kita ni. Jangan mengharap organizer cari artis macam Siti Nurhaliza. Band yang patut cari organizer dan pandai-pandai pakai ayat power, hehe! Walah main indie pun, ska, dangdut sekali pun kalau tak pandai nak expose band tak kemana jugak.
Sejak bila pulak ada punk bersih, punk kotor ni. Ok, punk kaya memang ada. Kat Malaysia sekarang pun dah boleh nampak wujudnya band punk kaya. Punk memang kotor dan hina di mata masyarakat umum, media massa dan pemimpin Negara. Tapi kalau member-member sendiri pun tengok sebagai hina dan kotor, aku tak tau nak kata apalah. Mungkin sebab dia dah rasa terlalu bagus dengan scene emo/indie yang konon bersih tu aku tak semua budak-budak emo. Eleh, dulu dia main punk rock jugak tapi sekarang dah siap buat statement "aku dah tak boleh nak pergi dengan punk rock sekarang ni".
Hahaha, konflik dalaman ni. Tak kesahlah. Semua manusia berubah. Aku masih punk rock 101. Punk rock till the end. Mungkin? Sampai bila aku nak punk rock. Orang lain semua dah bertukar citarasa. Member semua dah berkerjaya, berkereta, semua. Orang lain sibuk pergi tengok pameran kereta kat PWTC aku masih gila tengok gig hardcore punk. Apa kejadah nak jadilah dengan aku ni. Tak habis-habis punk rock dari sekolah menengah dulu. Mungkin sikit masa lagi aku akan berhenti...ya.
Buat masa sekarang aku belum rasa nak berhenti jadi punk rock. Masih nak aktif dengan distro label aku. Masih nak release stuff member-member.
Aku memang selalu dilemma kalau fikir pasal masa depan. Fikir macam mana aku hidup kat Malaysia ni tak boleh lari dari system riba. Nak belajar pun kena buat pinjaman dengan PTPN yang riba (Yayasan Terengganu tak riba, tapi IPT kerajaan tertentu je yang boleh dapat). Apatah lagi nak buat pinjaman beli kereta, rumah semua. Kalau tak belajar, takde kereta takde rumah, aku rasa aku masih boleh hidup. Tapi apa pulak kata orang sekeliling. Mesti pandang serong punya. Takde kereta camane nak ade bini woi! Harap aku dimurahkan rezekilah olehNya. Amin.
24/9/04

"Anda tak percaya adanya Tuhan? Terpulang..." - xTimmy Budak Thrashx.

MamaJiwa : Punk Kotor selamanya...

Hidup masa kanak-kanak best. Tak payah pikir banyak. Tidur makan main. Takde masalah. Gambar Hiasan.



photo: nizang, kat kedai tepi air

masih punya mesej lirikal yang mampu membunuh jiwa-jiwa anak hc/punk untuk dikongsi bersama! Perkembangan terbaru yah, baru lepas manggung di gig "Save The Grrls" yang dianjurkan oleh Pinxgrrl Collective pada awal bulan 10, so kiranya XGAMPANGY itu sudah BUBAR aka RIP, lalu kami ambil insentif tukar nama kepada GAMPANG dan masih bawa 2-3 lagu XGAMPANGY yang lama sebab isinya tidak ada kena mengena dengan isu sxe, masa band XGAMPANGY dulu pun lirik pasal sxe itu ada 2 lagu jer, yang lain semua stok lirik-lirik menganjing! Sekarang GAMPANG pun dah lebih kepada musik thrashcore sebab dulu XGAMPANGY lebih kepada thrashviolence, hahahaha... perkara X...Y tue satu benda yang tak nak nampak tipikal, cuba kau tengok, banyak band-band yang line up dia semua sxe akan letak nama X...X contoh, si XpolanX, so kami letak X...Y sebab tak nak nampak tipikal dan suka buat orang bertanya-tanya, masa kitorang masih XGAMPANGY lagi, kami cuba tubuhkan satu band sxe yang tidak tipikal, tak kiralah dari segi m usik, lirik, pembawaan idea dan etika sxe dan segala macam, yang memang yang penting kami nggak mahu jadi sxe tipikal!

9/ Apa reaksi saudara jika ada yang mengatakan bahawa sXe bukan "revolutionary" sebab manusia tidak berbunuhan sesama sendiri menggunakan rokok dan arak? Reaksi aku yer, relaks one corner jer, ala.... ceteknya pemikiran, takkan semua benda yang nak kena nampak revolutionary tue kena ada benda-benda berbunuhan, tembak-tembak, pancung-pancung kepala! ini kau dapat statement dari mana pulak, kau nie banyak betul dapat statement yang pelik-pelik yer J! Gurau jer! Bagi aku perkataan revolusi itu maksud dia sangat besar dan subjektif, sxe itu memang berada di dalam keadaan revolusi sebab penolakan dia terhadap konsume produk kapitalis yang bapak terbesar macam rokok dan arak! Selain daripada aspek kepositifan tapi sxe itu bagi aku memang radikal dan politikal, kita tak payah nak guna molotov, AK 47 untuk buat revolusi menjatuhkan syarikat kapitalis, tapi cukuplah dengan revolusi korang menahan diri dari jadi pengkonsumsi dua kapitalis paling berjaya yang terang-terangan menghancurkan diri sampai mati! Itu pun berada dalam keadaan revolusi juga bukan?

10/ Saya terbaca dalam zine, mereka membesar-besarkan isu di mana kebanyakan kugiran sXe main muzik yang mudah (basic old skool/thrash tanpa sentuhan teknikal/metal). Apa reaksi saudara akan isu ini? Kau baca zine Malaysia ker oversea, mesti zine oversea kan? Hahaha... secara seriusnya aku memang tak boleh nak masuk sangat dengan musik macam teknikal dan metal rabak tue, apatah lagi musik hardcore jet...jet tuit, chugga-chugga dan segala macam, (tapi aku suka juga dengar Orchid) memang tak boleh handle giler, band sxe banyak giler main musik old skool sebab ada beberapa kondisi contoh 1. diorang memang giler, into dan fun main musik old skool, 2. band sxe tipikal banyak giler main musik old skool. 3. aku rasa band yang nak main musik macam apatah lagi dengan goreng-goreng yang panjang meleweh tue semua dan drum double paddle tak berhenti-henti. Itu pendapat aku... kalau aku sendiri, aku suka musik yang pendek pantas, energy, lirik menganjing, yang boleh buat aksi circle pit body slamming dan lompat bintang masa dekat gigs dan yang penting nendang bontot! Buat masa ini aku dapat semua tue dari musik hardcore laju (old skool youthcrew pendek2 thrashcore/ fastcore/grindcore) ala... semua benda tue terpulang kepada pilihan indvidu dan band tersebut! Yang penting jujur dan FUN! Senang bukan?

11/ Sampai sini aje kot. Any last words? Thanks sebab interview aku yang giler, dah lama giler tak kena interview, tak sampai 3 jam aku jawab interview kau, hahaha... kejap lagi aku ada presententation english, tapi aku boleh relaks jawab interview kau! Thanks kepada semua, siapa ada kemusykilan boleh berkomunikasi dengan aku, guna email aja, kalau pos aku memang malas giler, sorry yah, take care yah, baca zine nie sampai habis, jangan sebab korang menyampah baca jawapan interview aku, korang lempar terus zine nie! Take care, have fun and good time, weh! Bila nak dapat peluang nak main gigs kat belah-belah pantai timur nih! Ingat SXE itu BUKAN sahaja mengenai POSITIF semata2! Daaa

Kontaks aku: xstandpointofmindx@yahoo.com

^^

BISING BANGO!

Bonds Of Old Skool kompilasi CD (6 label)/RM12 termasuk kos penghantaran Agak tak releven untuk aku mengula band-band dalam kompilasi ni satu persatu. Kesemua merek main muzik hardcore old skool tahun 88 kecuali Grace Division dari Kemaman. Grace bermain hardcore teknikal dengan sol ala Iron Maiden tetapi masih berunsurkan old skool di man ketukan dram amat pantas dan banyak bahagian nyanyi ramai-ramai (sing along). SecondxCombat pada kali ini, tidak seperti dulu lagi kerana sangat melodic ala Ignite. Kesemua band-band lain membawa muzik yang pantas, bermelodi dan bermese Kugiran pilihan untuk aku sendiri, semestinya xElevenx. Melodic hardcore ala AR15, Steam dan Bane. Untuk CD ini, ia dirilis oleh 6 label iaitu United Front, Tragis, Dratsab, Kids Like Me, Youthcrime dan juga Nervous. Well, aku hanya menyumbangkan sedikit wang dan mengedarkannya dan tidak terlibat secara lansung dalam pembikinan CD ini jadi tak salah aku mereviewnya! Datang dengan booklet 24 halaman. Hampir aku terlupa, band lain yang terlibat adalah Last Minute, Cookie Monster, Nostalgia Kids On The Move, Channel X dan Uphold dan hamper kesemua lagu tidak pernah dirilis sebelum ini. Daaa! (Guna alamat zine ini)

Dirty Divider "Zero To Loose" demo CD (eda sendiri)/RM5+stem Ok, Dirty Divider merupakan antara band punk yang agak aktif sekitar terengganu buat masa ni. Ini merupakan demo pertama mereka kalau tak silap aku. Tapi ia boleh dikira sebagai ep lah, dengan kualiti bunyi yang amat bagus. Ada 'kawan' aku kata ep ini kedengaran agak fake atau

koleksizine.blogspot.com

faham tak aku tulis apa nih? Aku nie pun bukannya betul sangat, tapi aku tulis ikut pemerhatian aku ler, kalau ko rasa tak puas hati, ko tanya line up Maklok Perosak sendiri oke!

6/ Ada yang mengatakan bahawa personal writing hanya sesuai untuk penulis wanita. Pendapat anda pula bagaimana?
lanya bergantung kepada individu, kalau dia rasa benda personal sesuai dengan jiwa perempuan itu terpulang, tapi dalam masa yang sama aku dah tulis satu zine yang penulisan personal dan aku adalah lelaki, so benda macam tue tak wujud lagi bukan? Ingat yah, penulisan personal dengan penulisan emosional dua benda yang berbeza (yup! Aku mmg setuju tu, personal writing doesn't mean it's emo-ed), sebab orang selalu anggap penulisan personal sama dengan emosional, bagi aku emosional itu personal tetapi personal bukannya emosi onal, personal tulis benda-benda pasal life, pasal kerja, pasal sekolah, pasal scene tempat, pasal band baru dan dia tak terikat dengan benda-benda cinta dan benda-benda macam tuh tapi penulisan dia di tulis ikut kepala otak sendiri, aku cakap serius, aku suka tulis zine personal sebab aku kalau stress, aku akan guna medium penulisan atau tulis benda2 personal sebab menulis tue aku rasa dapat menghilangkan stress, senang cerita, bila aku stress atau tak puas hati dengan keadaan sekeliling = personal writing = zine xspomx! so walaupun benda tue nampak macam merapik tapi sebenarnya dia ada maksud/nilai/mesej tersendiri, So terpulang kepada individu hendak menilai, kalau pendapat kau pulak macam mana? (yup! Aku mmg setuju tu, personal writing doesn't mean it's emo. Aku sendiri menggunakan 'penulisan' sebagai tempat untuk meluahkan kekecewaan, kemarahan, etc-ed)



7/ Ramai non-scene kids dan newcomer menyalah anggap bahawa sXe adalah sex yang sengaja dieja sebegitu (contoh skate dieja sk8). So, apa perlu kita buat? Kita tidak senantiasa di situ untuk memberitahu akan maksud sXe itu? Yer ker, aku tak pernah dengar pun orang cakap macam tuh! Kalau aku ada dekat tempat tuh, aku akan terangkanlah, sebab aku rasa macam susah sikit nak terangkan pada budak2 yang non-scene pasal benda2 idea seperti sxe tue sebab banyak sangat benda yang nak kena diterangkan nanti! Aku rasa sepatah perkataan seperti sXe itu hanya satu perkataan sahaja, tapi bila kau dah faham dengan erti maksud dia baru kau faham dengan maksud di sebalik perkataan tersebut, yang penting sekarang jangan buat tanggapan melulu dan bodoh, fahamkan makna sxe itu sendiri pastu baru boleh buat tanggapan! Kalau akulah kan, senang jer, aku bagi zine aku yang tulis 100% pasai sxe tue dekat dia, kalau dia suka dan dia ada interest dia akan baca, kalau dia takde interest dia mesti akan buat dang/bodoh dan buang zine tuh, tak yah buat apapun takder hallah, ingat yah, SXE ITU BUKANNNYA SATU KEBANGGAAN MENGENAI UNITI, POSITIF, FRIENDSHIP TETAPI IANYA SEHARUSNYA BERADA DI DALAM KEADAAN RADIKAL, POLITIKAL! Sebab aku rasa sxe itu pilihan personal aku, kalau orang cakap apa benda kelancau belakang aku, aku buat derk ajer, tapi kalau depan aku, aku akan cuba tanya diorang, dekat mana diorang rasa huruf sXe berkaitan dengan SEKS, siapa bagitau? Apa pendapat diorang pasal ejaan tuh? So benda tue macam susah nak dijangka dan diterangkan! Kalau kau sendiri camne pulak kau nak buat? (aku pun terangkan jugaklah, tapi aku takde kat tempat tu, Cuma kawan aku yang cerita kat aku-ed!)

8/ Saudara turut bermain bass untuk Gampang. Apa perkembangan terbaru kugiran itu? Kenapa X dan Y pada nama kugiran tersebut digugurkan? Kenapa X dan Y pada mulanya, tidak X dan X?? Aku jawab ikut turn soalan yah, Aku bergabung dalam band Gampang yang dulu dikenali sebagai XgampangY, dulu XgY adalah band sxe tapi bila drummer kitorang iaitu saudara kerk mccoy mengggurkan edge dia jadi X...Y itu terpaksa juga kami gugurkan, kami masih meneruskan Gampang sebab gampang tue bukan band tipikal sxe, sebab mungkin band sxe ada yang akan terus bubar bila seorang line up dah tak sxe, sebab mungkin dari mula tubuhkan band tersebut yang band tue kena sxe, dan semua line up kena sxe dan segala macam, kami meneruskan sebab gampang itu lebih kepada friendship kami bertiga, kami masih punya fun disebalik band tersebut dan yang penting kami

Aku makin hari rasa macam dah betul-betul jadi seorang yang bergelar dewasa. Mana taknya, hari-hari fikir macam mana nak carik duit. Zaman sekarang ni memang kita semua amat perlukan duit. Macam kata xTimmyx dalam zine dia, "takde duit=mati". Nak kencing pun kena bayar 20 sen. Apatah lagi aku ni yang dah mengjangkau usia 22 tahun. Member-member semua dah bawak kereta. Aku bila lagi. Memanglah tak punk langsung bawak kereta ni. Pencemaran? Tapi zaman sekarang ni orang nilai kita melalui bende-bende macam tu. Takde harta maknanya tak berpelajaran. Hems...Takde harta=tak berguna (?).

Tadi aku pergi minum lagi. Heheh...hari-hari pergi lepak kat tepi air. Pastu datanglah Samir. Dia ni drummer band aku dulu. Aku pun cakaplah...

"Jellybelly tadok doh. Tutup buku".
"Bakpe?" dia tanye.
Aku pun jawab "semua semangat hilang doh".

Semangat aku belum hilang sebenarnya. Tapi semua ahli band (termasuk aku) tu dah berubah citarasa dan pemikiran. Band tu dah tak berapa releven dah bagi aku, dan mungkin jugak ahli lain jugak rasa camtu. Tak kesahlah.
25/9/04

HC/punk, emo, thrash dan divisi. Divisi, divisi, perli, perli...gaduh, gaduh...kenape ha?? Sesiapa atau mana-mana band yang rasa divisi itu tak perlu dalam scene 'alternative' ni boleh hantarkan 2 lagu dlm format cd-r kat alamat aku utk kompilasi yang konon-konon aku tengah rancangkan. Tajuk dia "break the boarder, smash the state". Bagi sekali artwork dan alamat kontek serta penulisan kenapa divisi/prejudis muzik tidak perlu wujud dalam scene.

"Having Nothing to do is really killing me slowly nowadays"
-Nizang (22/9/04)

Berikut merupakan petikan Dari Interview Bersama Mosh Zine yang dibuat oleh saudara Fairuz dari AccidentxHeroes Zine.

Question boring gile? Perlukah anda membanteras VCD blue yang ada di Negara kita ni.
Hey, aku bukan polis/kerajaan nak banteras kegiatan ini. Aku mmg suka beli vcd cetak rompak, sebab murah beb! Tapi kalau pasal vcd lucah ni, aku macam orang lain jugak suka menengoknya. Ada rakan-rakan scene yang kata bahawa pornografi itu seni. Ada juga yang kata mereka suka melihat kecantikan tubuh wanita. Erms...Aku tak tahulah pornografi tu seni ke tak, sebab tengok selalu sangat boring jugak. Takdelah seni sangat sebab selalunya sama saja. Kita dah tahu camne, dan camne ending dia. Kadang-kadang je skill dia berbeza, kreatif kot? Hehhe....kata seni. Tapi yang pastinya aku memang menentang porno kanak-kanak (kiddy porn) atau yang



mari menyanyi menjilat

menentang porno kanak-kanak (kiddy porn) atau yang nampak sangat bahawa wanita itu dipaksa untuk berlakon tanpa rela. Yang lain-lain tu aku rasa bukan kena paksa, tapi dah memang mereka minat untuk berlakon porno dan mungkin terpaksa kerana desakan hidup dan mahukan wang ringgit. Itu pilihan mereka! Tapi bahaya jugak vcd blue ni kalau orang takde otak tengok. Kadang-kadang ia membangkitkan nafsu mereka-mereka yang pendek akal, sebab tu lah terjadi banyak kes rogol zaman sekarang ni. Kalau nak tengok tu, pandai-pandailah kawal nafsu tu, ya tak? Ada otak pakai.

Apakah maksud diri anda? Apa itu hardcore, punk, sxe?
Maksud diri saya?? Tak tahu. Pada definisi saya punk itu punk dan hardcore adalah benda yang sama, iaitu berfikir dengan bernas, berdikari, buat bende yang positif, menegakkan keadilan, melawan penindasan, berkongsi pendapat/pandangan dan macam-macam lagi. Punk juga diguna untuk melabel sejenis music yang berasaskan 3 chords, dengan mesej dan fesyen pemberontakan. Pada awal 80an, music punk telah dimainkan dengan lebih laju dan aggressive dan wujudlah music hardcore. Hanya
walaupun topik yang diutarakan oleh kedua genre ini terkadang agak berlainan. So, hardcore adalah punk, ia berasal dari punk itu sendiri.
Straight edge (sxe) pula adalah disiplin diri yang diamalkan oleh sesetengah orang untuk hidup yang lebih positif. Tidak merokok, tidak minum arak, tidak mengamalkan seks rambang (tukar-tukar pasangan) dan tidak mengambil dadah. Memang positif bukan? Ya, ia dimulakan di barat, dan aku rasa ia sesuai diamalkan di

dadah, arak, dan rokok. Ia bukanlah suatu agama. Jangan memandang ia sebagai lebih tinggi dari agama. Ia hanyalah sekadar 'label', dan tiada beza darjat/kemuliaan/kebagusan antara sxe dan bukan sxe. Be a sxe with a brain!!

Poems.Poems.Poems.Poems.Poems.Poems.Poems.Poem
s

I hate golf

I hate golf, and F1 too
Game for the rich
And their stupid caddies

Waste a lot of lands
To play those stupid games
Waste a lot of money
And increases poverty

Is it relevant to you?
Just for your own sake
Until one day you wake up dead

Hit the ball and throw yourself to hell
Drive the 'car', drive yourself to hell

Lagu rokok

Aku sedar akan zahirku
Kurus kering macam tengkorak
Kau lihat padaku, kau ketawakan diriku

Ku...ku masih positif
Ku...ku masih berfikir
Dadah, ku jadikan sempadan
Hidupku takkan ku bazirkan

Some personal writing written in mid 2004.
(Stupid writing about my childhood life. Jaugh...Jaugh!)

went back to Taman X last week for 3 days. it's been a really long while I never went back and it sure brings back a fuckin lot of memories. I walked to the field, where I used to play 'ice and water', 'rugby', kejar-kejar' and even dig a hole. we dreamt of having a base or hiding place in the hole. what a stupid idea that was. We went there every evening just to dig the hole. Well, we were 10 years old. hahhaha...

also met "zaido' who i know as 'zaid' back then, who was one of my best friends. We were lost-contact for a long time until I found his page at the Friendster.com. His latest outlook is so cool. With a big dread-lock. The two of us plus Hammam, were great buddies during darjah 4, 5 , I can't believe Zaido even kept one of our self-drawn comic books that we drawn together back in standard 4. Ehh! Yeap, we drew a lot of comic books together back

things and they're quite cool with it. Zaid then told me that Hammam also has dreads now. Hmm...cool. My mom will kill me if I came back home with those kind of hair. Hehe.

I can still remember back then, me and my friends used to play "base". All group of friends living near to each other will have their own base. It can be on the tree (tree house), under the bridge, etc.

Once (darjah 5) we had a base under the bridge of a big longkang (drain). Some of the friends who I still remember were Azim, Hammam, Darwish and Johan and some other kids. There was a bridge, we put a plank and it fit under it and won't fall. So, almost everyday after school we went there to lepak. It's dark, so we brought along candles, nails and hammer to nail the plank. We also put some magazine, and comics there.

The men who came to cut the grass always stared at us, as if we were doing drugs there. One day, we made a deal to meet there on one afternoon.

I went with Hammam and no one was there. The hammer, the candles were all gone. We thaught the other guys stole the stuffs and won't show up. We just lepak and read the comics and magazines.

The next day at school the other guys told us. They went to the base. The police came and take them to the police station, along with the stuffs. Their parents were called so that they can take their childrens home.

Hahahha...!!

So, after that we never go to that place again. Kids were busy with video games and stuffs... All in all, TTDI is a great serene place to live in, to be at. KL is K Hell, but not Taman X. It's quiet and it's a great place to be at. Even nowadays.

Ni ada satu lagi cerita pasal kawan aku jugak. Dia ni ada satu perasaan takut yang tak tentu pasal. Bukan takut macam-mana. Kalau nak buat sesuatu tu, walaupun bukan dia yang buat, orang lain yang buat, mesti dia piker bukan-bukan tentang apa yang orang akan kata/fikir tentang perbuatan tu. Contoh, baru-baru ni aku ada buat design t-shirt band aku. Ya lah, aku akui band kami tu tak seberapa pun. Hampeh jer. Aku kata aku nak jual t-shirt tu kat gig yang akan berlansung kat tempat kitorang masa tu. Dia pun dengan tegas mengatakan "Tak payahlah. Nanti apa pulak orang kata. Macam kita anggap band kita ni best/bagus je". Lebih kurang macam tulah.

Habis, kalau aku tak jual kat gig kat mane lagi aku nak jual baju yang aku buat ni? Produk semua DIY, kenelah jual DIY. Setakat nak jual pada kawan-kawan yang kenal rapat jer, sampai bile stuff DIY ni nak berkembang. Habis, kat KL, kat Johor tu orang buat baju band sendiri tu semua jual kat gig lah. Nak jual kat mana lagi. Aduh! Susah.

Kalau setakat buat design baju band pastu nak pakai sendiri, baik tak payah buat. Apa kejadahnya.

Pastu esok ada konsert anti-dadah kat sini gak. Kat

Saja2 try benda2 baru, kelebihan dia pembaca beli 1 zine tapi dalam 1 zine tue diorang boleh baca 2 zine serentak! Kepayahan dan kekurangan tue aku rasa takde, isu aku no #8 dah siap (100% aku punya tulisan dan memang personal gila bapak punya isu), sekarang tunggu masa sahaja nak rilis, kali ini pun rilis dalam bentuk split jugak dengan zine Cronically Donut #14. Pun bukan satu plan yang lama-lama dirancang, So korang tunggu aja! Apahal cuba kontaks Jimbo!

4/ Masih ada segelintir personal/golongan hc/punk (kat Malaysia pun ada kot) yang tidak mahu mengaku akan faedah teknologi internet dan CD, maka mereka mengekalkan penggunaan kaset/vinyl dan menulis surat pakai pos. Apa pendapat kamu sendiri tentang mereka yang begitu? Itu semua bergantung dengan kondisi ler nizang, sebab manalah tahu kalau dekat kawasan hulu pendalaman yang takde perkhidmatan internet, jadi macam mana diorang nak kontaks guna email dan apa kejadah tue semua, jadi solusi paling sesuai ialah guna cara old skool iaitu menulis surat guna pos, aku lagi suka guna email, cepat, pantas dan berkesan dan murah, kalau isu cd tue pun bergantung, sebab tak semua orang ada CD hi-fi sekat rumah, discman sampai sekarang pun harga mencanak2 jugak mahal dan ianya semua bergantung ikut kemampuan, cd hc/punk pun kos jualan agak mahal sedikit dari tape tapi orang biasa mampu beli radio tape atau walkman sebab harga dia agak murah berbanding discman. Kadang2 ada orang suka beli tape sebab dia collector tape! Dan macam2 hal tentang isu penggunaan cd dan internet, kalau aku sendiri, aku tak suka tape sebab senang tenggelam dia punya sound bila dah lama pakai, kalau pakai walkman masa berjalan-jalan pun berat, cd pun aku tak berapa gemar sebab dia senang scratch sebab aku jenis orang yang sepah2 letak barang, aku suka mp3 sebab aku boleh simpan semua lagu dalam hardisk aku, aku biasa layan lagu/ musik/mtv masa aku dekat rumah dengan menggunakan komputer, senang, tak payah susah2, tinggal click dengan winamp terus aku boleh layan, dan tak semua orang ada turntable, aku pun sendiri takder, ada yang kata



sound-sound vinyl memang raw dan tak terlalu digital atau sound bersih macam CD, sebab aku rasa ada orang yang minat vinyl sebab sound dia! aku tak suka kaedah pos sebab aku rasa lambat dan aku memang malas nak mampus pergi pejabat pos sebab kelas aku hari2 dari pukul 8 sampai pukul 4, konklusi nyer yang paling mudah dan senang, aku suka mp3 dan suka komunikasi guna email. Sekian!

5/ Antara lagu dalam kaset Makhlok Perosak (kugiran dari tempat saudara) adalah "Hardcore Telah Mati". Masih ramai yang keliru tentang penyataan itu mungkin. Mungkin saudara ingin menjelaskan tentang penyataan tersebut? Kenapa ler ko tanya pendapat aku, kenapa ko tak tanya sendiri dengan line up Makhlok Perosak anak dara orang tuh, tapi sebab kau dah tanya aku jawab jugak, tapi ianya tak berkenaan dengan line up MxPx oke, aku jawab pun di atas pemahaman aku, Makhlok Perosak adalah band yang main hardcore thrash dari UTC. Lirik itu aku rasa satu lirikal yang provok dan sarkastik, mungkin diorang tulis ikut pemahaman dan pemerhatian diorang yang melihat anak2 yang menggelarkan hardcore/punk itu lihat hc/punk macam fashion dan trend semata-mata dan mereka (anak2 hc/punk tadi) mengeksploitasi idea-idea hc/punk yang sepatutnya ianya d.i.y, tapi telah diekploitasi, aku tengok scene JB nie pun pelik sikit, organizer yang buat konsert band mainstream dalam masa yang sama masih boleh organize gig hardcore/punk? Buat gigs sebab nak beli view-cam dan digi-cam (kalau kau zang, ko pelik tak?) Siap keluar surat khabar metro lagi. Jadi penulisan lirikal itu bermaksud sarkastik sebab dalam sedar tak sedar anak2 yang gelarkan diri diorang hc/punk membunuh idea-idea hc/punk itu sendiri, aku rasa pembawaan idea seorang anak hc/punk tue bergantung kepada persekitaran dan cara pemikiran individual, kalau seorang anak hc/punk (yang namanya A) tue fikir hc/punk masih/mesti diy tak kira rilis barang (sebab sekarang banyak band2 yang rilis stuff guna medium diy tapi dalam bentuk profesional), organize gigs dll dan anak HC/punk nama dia B fikir hc/punk itu adalah trend, cara dandanan unik, kena pakai kasut vans dan nike, kena pakai seluar baggy, kena pride dengan scene dia, kena pakai chain dekat seluar, kena dengar lagu-lagu ganas dan apa kelancau semua, so macam mana? Nak cakap semua dah besar panjang, nama aja hc/punk tapi fikiran masih kolot dan tak terbuka, cakap sikit karang bertumbuk, so tulis dalam lirik band, paling tak pun ianya berjaya bukak mata orang-orang yang fikirkan hc/punk itu adalah hanya satu kebanggaan, bila kita cakap dan provok "dah mati" melenting, sebab merendah-rendahkan scene ler, apa kebenda ler tapi dalam masa yang sama dan dalam diam, dia sendiri turut mematikan scene hc/punk itu sendiri? Wei! Ko

koleksizine.blogspot.com

3. Adakah anda merasakan punk itu adalah kotor, hina atau takde masa depan?
A: There is no such word of jerk or no future. As mom always tell us, work hard to get what u want. Same here, work hard to be the majority not forever minority by not showing those useless things which will make people blame on PUNK. Get them understandable about it. Minority can be Majority if be in one voice. Majority can be built from self-conscious. Done my words. I mean no harm for what I wrote instead of talking to myself.

****



OK, bungi Kita ikuti temubual dengan selebriti HC/Punk pula iaitu Timmy dari Uda, Johor yang khabarnya baru-baru ni pergi ke Indonesia untuk hang-out dengan bebudak kat sana.

1/ Bagaimana agaknya kondisi kamu saat ini? Cerita sikit latar belakang dan aktiviti hc/punk dan kehidupan lewat ini? Hello nizang! Apa khabar kamu dan semua pembaca? Dah lama giler aku tak jawab interview yang orang bagi, so tiba2 aku rasa cam semangat nak menjawab interview ko, Aku timmy, berumur awal 20-an, bujang dan single, tak pandai main skate, suka fashion, tak berapa friendly, suka ikut dan buat keputusan kepala sendiri dan teging, masih belajar, suka berpuasa tapi tak suka dengan suasana hari raya, suka tengok awek yang ada hairstyle yang gerek, suka tengok cewek-cewek indo yang cantik, suka giler dengan awek yang ada muka japanese, suka travel, suka old skool vans dan puma suede, suka makan mee, suka tidur, minat giler habis tahap babun terbang dengan blink 182 dan sekarang aku cuba sikit layan band macam Taking Back Sunday dan All-American Reject! Jawapan mengarut tue sebab kau tanya latar belakang aku, kalau aktiviti hc/punk aku timmy aka XtimmyboyX aka Timmy Str8, penulis untuk zine xstandpointofmindx/ sxe personal zine, main band GampanG untuk posisi bass, dan baru buat satu band yang bernama YoungxAndxDangerous- fastcore youthScrewed Up attack untuk posisi vokal, bergabung dalam Uda Thrasher Conspicary (kolektif yang paling dibenci oleh anak-anak hardcore tipikal), aku kongsi dengan Ad Skeleton running satu rekod label yang punya budget sangat ciput nama You[th]rust Records, suka pakai bandana dekat kepala, topi tembak langit dan flannel masa pergi gigs, giler musik hardcore laju2 dan sekarang aku dalam proses menulis satu zine baru yang diberi nama ¡§My Friends And The Pit¡¨ - lebih ke arah bahan musik hardcore bising dan laju!

2/ Zine kamu yang latest ni amat personal dari segi penulisannya, mengapa ia menjadi begitu sedangkan tak silap aku dulu bukan macam tu? Adakah ia dirancang untuk jadi begitu? Adakah kamu akan kekalkan stail itu untuk isu-isu akan datang?
Aku rasa aku start tulis benda personal dari isu 2 dulu, aku masa tue banyak dapat influence dari zine Din Akar dan Jimbo, dan sampai isu 5 aku rasa zine aku masih kuat lagi dengan isu sxe/hc/punk. Tapi masuk isu ke 6 aku rasa zine aku dah banyak tulis pasal personal, aku tak tahuler nizang, tapi secara jujur aku suka dengan style zine aku sekarang, sebab banyak benda yang aku membebel semua pasal diri aku, sebab aku percaya dalam penulisan personal pun ada terselit mesej revolusi dia tersendiri (yang penting kena pandai cari ler), lagipun dari masa mula2 aku start buat zine xspomx dulu, aku memang dah setkan mind aku yang aku menulis bukan untuk ikut kehendak pasaran atau orang lain, aku menulis atas kehendak diri aku, atas sebab kepuasan, so aku memang tak ambil pusing kalau orang cakap zine aku mengarut dan takde tulis benda-benda yang mesti ada dalam sebuah zine hardcore/punk macam scene report, interview, review dan segala macam tuh! Aku tulis dalam bentuk personal sebab aku banyak baca zine2 luar macam The Conspiracy yang banyak kontributor diorang tulis pasal kehidupan personal diorang yang cuba diorang kaitkan dengan idea hc/punk masing2, sebab aku rasa benda2 tue macam realistik dan aku suka baca macam mana diorang cuba kaitkan idea hc/punk masing2 dengan suasana persekitaran diorang sebab aku rasa pembawaaan seseorang hc/punk berbeza dengan suasana persekitaran, masyarakat dan lain-lain. Pasal kekalkan stail itu aku tak pasti, ikut mood sebab aku tak nak kongkong diri aku menulis dalam bentuk camne, manalah tahu lepas nie zine aku rilis dalam bentuk lukisan pulak ataupun dalam bentuk poem, siapa tahukan? Tapi untuk waktu sekarang ini aku rasa, aku suka dan selesa dengan bentuk penulisan personal!

3/ Kenapa isu terbaru ni dihasilkan secara kongsi (split), apa motifnya? Apa kelebihannya? Apa kepayahan dan kekurangannya? Kalau kau baca intro zine aku isu #7, aku punya projek split dengan zine Sure pun stok2 yang tak dirancang, sebab aku suka gila dengan feel aku buat benda yang tiba2 atau last minute nih, takde motif tersurat nak rilis isu split nih, Cuma buat sesuatu yang berlandaskan fun!

padang bistaku, Kuala Berang. Aku pun cakaplah aku nak jual stuff DIY. Dia cakap lagi, "Eh esok ceramah anti-dadah. Bukannya gig, mana boleh jual stuff". Macam tu lah lebih kurang. Sedangkan kat Johor tu kat kenduri kahwin pun bebudak hentam jual stuff DIY, apatah lagi kat konsert anti-dadah. Kalau gig kat Terengganu ni ada tiap-tiap bulan ke takpe gak. Ni tak, setahun sekali pun susah. So, acara-acara macam ni lah peluang untuk aku jual stuff DIY. Jual by-hand pun takpe.
Bila lagi nak bukak mata masyarakat tentang keDIYan bebudak underground yang boleh berdikari sendiri. Esok kat konsert tu kalau aku pakai spek hitam, mesti dia bersuara esok. Takut orang kata rockstar pulak. Heh. Pedulik apa aku. Kalau dah panas terik, pakailah spek hitam. Bukan aku nak tunjuk eksyen ke apa beb.
Aku rasa dia berperangai macam tu, sebab ni Terengganu. Bende-bende macam ni takde banyak lagi. So, kene ikut jer apa yang sesuai ke tak sesuai ke. Heh. Dia ni tak DIY lansunglah bagi aku. Nak buat ni takut orang kata, nak buat tu duk piker apa orang pikir.
Nak DIY kene berani. Kena berani ambik risiko. Yang takde orang buat, tapi bende tu boleh buat. Buatlah. Kalau malu, bila nak maju. Kalau malas bile nak berjaya? Tapi aku tak confirm lagi nak jual ke tak stuff DIY tu esok. Tengok keadaanlah. Kalau polis ramai, setakat sebar leaflet jer lah. Bukan aku takut polis, tapi malas nak bersoal-jawap, diorang mesti cap vcd cetak rompak punye.
Aku pun tak tahulah apsal dia jadi camtu. Kalau ada orang yang dikira otai oleh dia kata camtu, camni. Dia mesti setuju. Walau apa pendirian dia, kalau otai kata lain, dia mesti setuju punya. Ok, sori pada member aku ni yang aku cerita pasal dia dlm publikasi ni tanpa mintak izin. Hehehe...
"DIY harus keluar dari kepompongnya"-Zaki, Diriku Untuk Dijual Zine.
8/10/04





Konsert pada hari ni berjalan lancar. Rerupanya ia dianjurkan oleh Prostar. Program remaja sihat tanpa AIDS. Hehehe. Band yang main pada pagi, tadi Dirty Divider, Hirodashima dan Gritty Floors. Untuk sesi pagi ni, Dirty Divider bedal main lagu The Cure "Friday I'm in love" yang telah ditukar liriknya jadi melayu pasal hidup tanpa dadah. Pastu diorang main lagu Hati Emas, lagu rock lama pastu satu lagu lagi aku tak ingat lah. Hirodashima (taktahu eja camner, kat banner tulis Hira D'cima) bedal cover lagu No Doubt "spider web" dengan "Sunday morning" pastu satu lagu melayu. Mereka ini dianggotai oleh 3 orang wanita adik-beradik yang amat berbakat. Kalau tak silap, salah seorang line-up mereka masih bersekolah. Gritty Floors memain lagu-lagu kebiasaan yang dibawa mereka, mellow grunge tunes yang dipetik dari demo mereka yang boleh dibeli di studio Kuyie atau studio Asang (Foes).
Sesi petang dimulakan oleh band budak sekolah, nama V-Six. Smart gila dua orang vokalisnya dari segi





Class of '77

clockwise from top: di dusun duku, suku kaum asli Terengganu (hehehe!), gambo ramai-ramai, dan juga di tepi sungai.

pemakaianlah. Pastu drummer ngan keyboardist sungguh muda usia mereka. Adalah dalam tingkatan satu kot? Main lagu-lagu 60'an, percayakan siti, etc.

Pastu Sleepy Jeremy naik atas pentas. Diorang main 4 lagu, one4three, love on the way out, beware your heart (cover the pilgrims) ngan satu lagu melayu yang dicipta khas iaitu pasal anti-dadah, "revolusi bukan zombie". Apa yang bagus tentang band ni adalah mereka ada bawak sebanyak 100 keping newsletter yang mengandungi lirik mereka beserta penjelasan mengenai lagu tu. Newsletter ni dibahagikan kepada semua hadirin pada hari tu, tak kira umur, bangsa. Ini adalah satu langkah yang patut dicontohi oleh band-band lain. Mesej itu penting. Memang band-band hardcore/thrash political selalu dah buat macam tu kat gig, tapi kali ni ia disebarkan pada orang bukan scene. Cool. Aku jugak mengambil kesempatan itu untuk menyebarkan leaflet pasal straight edge dan jugak beberapa keping sticker anti-dera/rogol. Mungkin leaflet tu tak seberapa, hanya sedikit info. Tak kesah pun. Tujuan aku cuma nak bagi clue sikit kat bebudak especially kat Terengganu ni ttg apa tu sXe. Sebab aku dengar ada lagi yang kata sXe tu sex, saja dieja macam gitu. Kelakar pulak. Itu je. Bukannya nak tunjuk aku ni pandai ke, nak tunjuk aku ni positif bangat ke, nak tunjuk aku ni sxe kental ke...tak.

Sebenarnya bebudak ni dipanggil untuk buat persembahan kat sana oleh bapa kepada ahli Hira D'Cima, so mereka pun tak melepaskan peluang tu dan bukannya senang nak perform kat Terengganu ni. Gig jarang-jarang diadakan dan kali ni boleh main open-air pulak tu.

Selepas Sleepy Jeremy, Hira D'Cima buat persembahan untuk kali kedua dengan memainkan lagu 'torn' dari Natalie Imbruglia. Lepas break untuk sembahyang asar, Dirty Divider sekali lagi beraksi. Tapi pada kali ini, mereka menonjolkan imej sebenar mereka dengan memainkan lagu-lagu punk rock seperti "when will I see you again?" (cover dari DPSA-band lama dari Kuala Terengganu), dan lagu-lagu ramones iaitu Pet Cemetary dan Blietzkrieg Bop. Penonton-penonton yang datang yang kebanyakannya berpakaian punk meminta mereka untuk membawa satu lagi lagu sebaik saja mereka meletakkan gitar dan bass mereka. Setelah dipujuk, mereka bermain sebuah lagi cover dari Sex Pistol iaitu, "Anarchy In Kuala Berang". Sungguh cool, konsert anti-AIDS yang sungguh punk rock!! Hahaha.

9/10/04



Say HI and make friends...



coming soon...

Harap kau boleh poskan dekat aku yer. Kat tempat aku ni susah skit nak cari stuff2 D.I.Y ni nak pulak sticker @ baju2. Jangan haraplah...eh apsal Jellybelly R.I.P hah? Adus! Tak bestla camni...Baik kau buat balik sebelum aku tumbuk perut kau! Chewah...gurau jer tu hehe...

Ape pun aku harap kau sentiasa ayu dan mandi selalu. Aku di sini menanti surat kau hehehe...selamat memonteng puasa (eh aku puasa la!, memandai je ko-ed). Byee...Oink! Oink! Hehehe...erk! Abih doh? (Dully Dog)

Adzuan Bin Ahmad, Kampung Tanjung Lalang, Batu 1, 28000, Temerloh, Pahang Darul Makmur.

A'kum...Nizang...Kinto here. Hehe sorry...seems that I have overspent this Raya. SO, this ugly card is all I have to offer...It's the thought that counts anyway...How's ur raya preparations? Anything unusual? Hehe...I'm bored 2 death here. Can't wait to get back 2 T'ganu. Spare me that "Bonds of Oldskool" cd. I might buy them when I get back. Depending on my $ raya collection!! Take care, and have a nice, sweet aidilfitri. ..wassalam...

Mohs Azim Ridhwan B. Azmi, No. 1, Bradwall Estate, 71100 Seliau Negeri Sembilan D.K.
miyukisunshine@hotmail.com

AKU RASA...

Siapa kata punk kat barat tu semua ganas? Mana ada. Pada awal dulu mungkin. Punks bangga dengan "cash from chaos" dan fesyen yang melampau. Kini aku rasa tak lagi. Kalau ada pun, bilangan mungkin sikit. Idea punk memang banyak dicedok dari mat-minah punk dari Barat. Tapi pandai-pandai ko lah tengok orang. Bukan setakat orang dari barat, dari sini pun sama. Ambik yang elok, abai yang tak elok.

Punk barat pun terkenal dengan sikap keamanan dan menentang keganasan. Contoh band macam Fugazi dari Washington DC USA yang pernah buat show kat KL dalam tahun 1996 dulu. Mereka terkenal dengan tindakan yang akan memberhentikan show dan balik terus jika berlaku pergaduhan di show yang mereka buat. Kalau tak silap aku, idea "peace-punk" pun datang dari barat jugak.

Memang ramai yang mengaitkan Anarchy dengan chaos. Takde dengar ke lagu Marjinal? "Anarki bukan barbar, anarki adalah kesamaan hak". Memang jalan terlalu panjang lagi untuk semua manusia mempunyai disiplin yang tinggi dan bersedia untuk Anarchy. Memang agak mustahil pun...tapi kenapa perlu kaitkan anarchy dengan chaos? Kenapa perlu statement begitu? Sememangnya kalau kita mahu hidup tanpa sistem berkerajaan pada hari ini, bapak segala chaos akan berlaku. Tapi itu ke yang kau nak wahai encik Zul?

Anarchy will eat your childrens...

(ni sebenarnya respon pada surat xAh Chongx yang aku tak tertulis kat muka surat sblm tadi. aku bukan anarcho. Zul tu editor zine Anarchy and Chaos yang aku terbaca kat rumah Rizal tadi –ed)

SURVEY LAGI!

nama: Jarah
nickname: smiley
umur:20yrs
lokasi: Cameron
email: real_paradise@hotmail.com

1. Pada pendapat anda, ape die menatang 'punk' tu?

A: PUNK is basically people known as a genre of music. Music which appear to be as rebellious as the way its' lover dressed up. Full leather jacket, mohawk like a chicken, sharpened bangles, boots and etc. Anyhow PUNK as, for me, is something won't able to be described by words. It would be easier to explain by the way we exactly feel it, touch it, taste it, swallow it and digest it. It is not only about the music instead of how its' lover suffered to let people outside know what they really feel through those hard lyrics. For some instances, PUNK actually should inspired who knows about it to stand on their own, drive themselves getting through life, don't step back of what they fear, don't let them being downed and don't let them being fooled. It is not too way important either we like or not PUNKs' type of music. It all depends on how we deal with it. The easiest thing to do with it is just place the PUNK thingy inside own heart, let it be apart of ur soul. However, please don't be misconception to act riot everytime, everywhere and with no motive at all. Just do the routine and be as simple as u can because u got nothing to show off about it. So, what do u think of PUNK? Are you practically 'doing' PUNK in life or 'acting' PUNK in life? Huh! Answer it yourself. This is what I thought and I don't mean to conforming or finger pointing anybody.

2. Apa terlintas pada fikiran anda bila terdengar perkataan 'punk'?

koleksizine.blogspot.com

dengan 2 kerja...mana nak jaga kedai, mana nak jumpa customer buat kad kahwin!!
Hehehe...apapun semuga ka uterus bergiat dalam bidang seni grafik ini!!! Okey, donut #13 dan majalah sireh masih ada untuk dijual. Brani??
Nizang, kalau ada rezeki kita jumpa...Ko kenalkanla awek ko kat aku...Teringin aku nak tengok awek ko. Ok sampai disini shj. Jumpa lagi.
-Jimbo, No. 12 Jalan Lembah 24, Taman Desa Jaya, 81100 Johor Bahru. brokenvision@hotmail.com

Waalaikumsalam Nizam.
Zaidi write back. Aku kat sini khabar baik. Thanx sebab sudi balas surat aku. Ya aku ada menyatakan yg kau hipokrit sekiranya kau yg baca poem "Bumi meretak..." dlm kaset Kasih Sayang. Harap faham betul-betul apa yang aku katakana. Nampaknya bukan kau yg baca poem dlm kaset Kasih Sayang. Maaf aku tersilap.
So, mungkin kau nak tahu mengapa aku katakana kau hipokrit sekiranya baca poem dlm kaset Kasih Sayang. Memang betul dlm poem tu tak ada dinyatakn kau ni hipokrit atau apa-apa saja. Kau bacalah 100x pun takkan jumpa bait-bait tersebut. Ya lah nama pun poem. Setahu aku poem ni sebuah puisi moden menyampaikan perkara tersirat dan maksudnya hendaklah difikirkan/taksir sendiri.
Bukan kita tak tahu penaja-penaja dalam x-games tu syarikat-syarikat kapitalis. Mengapa kita harus bersekongkol dgn mereka? Bukankah kita tahu dosa-dosa syarikat kapitalis. Jika kita teliti/amati/kesimpulan drp poem tu manusia lebih mementingkan nama, harta, kuasa drp kemanusiaan. Tiada yg mengambil peduli golongan miskin/tertindas krn lebih mementingkan nama, harta, kuasa drp kemanusiaan. Tiada yg mengambil peduli golongan miskin/tertindas krn lebih mementingkan kemewahan. Sedangkan siapa yg menindas mereka? Bukan syarikat-syarikat kapitalis? Habis tu bukan hipokrit jika kita membaca/menghayati/menyokong poem tersebut. & dlm masa yg sama menyokong kapitalis.
Aku rasa kau lebih arif utk menjawab sebab kau adalah PUNK yang lebih mengetahui mengenai benda-bende cam ni. Seperti yg kau nyatakan dlm surat hari tu. "I'm a punk...and you're not!"
Ya ada betulnya apa yg kau kata. Aku bukan punk. Tapi itulah yg hendak dikatakan oleh aku (bukan punk).
Aku tak katakana pun kita harus menolak teknologi & aku pun tak pernah mengatakan kau tak ambik tahu ttg nasib org2 susah. Itu soal peribadi kau, yg penting aku tidak pernah kata sedemiklan. Oklah aku harap kau faham tentang penjelasan yg telah dinyatakan. Sebab pandangan/kritikan yg dinyatakan! Sebab pandangan/kritikan yg dinyatakan oleh aku mungkin b'tentangan dgn falsafah-falsafah punk krn aku tidak begitu mengerti tentang punk. Sebab ini pandangan oleh orang biasa. Yalah setahu aku Punk kat Malaysia kebanyakan berpendidikan tinggi. Tentunya lebih tahan. Maaf sekiranya segalanya bertentangan dgn prinsip-prinsip kau dan punk. Sampai jumpa lagi. "Untuk mengelak kritikan, jangan lakukan apa-apa, jangan cakap apa-apa, jangan jadi apa-apa" -elbert Hubbard.
ZAIDI MUSA, Pejabat Pos Mini Kedai Buloh, Jalan P.C.B, 15350, Kota Bharu, Kelantan.

Ok, memang aku akui band Jellybelly bermain kat X-Games tu merupakan satu kesilapan yang besar. It was our second last gig anyway. Pada mulanya, housemate aku Ian (Skatanix/Terran 52) tanya nak main tak kat X-Games tu sebab dia ada kontak dengan pihak penganjur untuk cari band. So, aku cakap jelah OK gak. Dalam fikiran aku sangka, bahawa bende tu hanya gurauan, bende main-main. Tak logic. So, tiba satu hari dia cakap kat aku bende tu jadi dan nama kami dah pun disenaraikan untuk main event tu. Aku tak nak main sgt, tapi the rest of the band beria-ia nak main...so majority wins. Aku pun carilah positif points in it, inilah peluang aku nak kongsi mesej kami dengan orang-orang yang bukan punk macam kamu. Ya, aku akui apa sangatlah mesej yang kami bawakan. Takdelah revolutionary mcm band punk lain. At least ada gak sikit-sikit kesedaran yang releven untuk disuntik pada mereka. Konon jelah. Konon-konon, aku nak gunakan "system" untuk propaganda akulah. Tapi malang, haritu hujan turun masa set kami, so takde orang nak dengar kami main, apatah lagi apa yang aku nak cakapkan. Anyway, gig tu merupakan gig free. Takde bayaran cekik darah macam Rock The World. Kami pun tak dapat satu sen pun dari Toyota. Pasal "I'm a punk! ...And you're not" tu, lirik Carburetor Dung lagu Punk Panggang Sepinggan. Kalau tak silap aku camtulah lirik dia. Apsal aku tulis camtu? Pandai-pandailah kaji mesej lirik tu. Malas aku nak terangkan. Anyway, SORRY all. It won't happen again!!

Assalamualaikum...Wei Nizang, awok memang busuk! Hehehe...jangan maroh, aku gurau jer t eh...woah! Nervous records sekarang ni makin menggila aku tengok sekarang ni...syabas sampai terbabas aku ucapkan kepada kau!
Di sini tujuan aku sebenarnya adalah untuk meminang kau...eh untuk memesan @ meng'order' list2/rilisan2 terbaru dari nervous rec. Di sini aku ada sertakan setem.



Kita tengok apa kata SURVEY!

Aku buat survey ni untuk tahu apa budak-budak non-scene/newcomer f tentang punk/hardcore. Tapi ada jugak budak scene yang jawap...tak kesah Kita pun dah puas asik baca jawapan interview dari selebriti-selebriti dal scene, so anggaplah survey ni sebagai pengganti untuk ruangan intervi Kesimpulan survey? Fikirlah sendiri, kalau ada kesimpulan yang bagus, hant kan pada editor nanti aku masukkan dalam isu seterusnya...hehehe!! It's n about sape yang betul sape yang salah, but do communicate with them...

nama: shaema
nickname: sha,shaema
umur: 18
lokasi: kuantan
email: radhisha17@yahoo.com

1. pada pendapat anda, ape die menatang 'punk' tu?
aku tak tau sgt pasal punk nih..tapi menurut kater kawan aku punk tuh mendefinisikan tentang idea.tapi ramai yg sangke punk nih hanye la sekadar musik semate yg melalaikan dan ganaz.

2. apa terlintas pada fikiran anda bila terdengar perkataan 'punk'?
sharing ideas with each other..am i rite??

3. adakah anda merasakan punk itu adalah kotor,
hina atau takde masa depan?
tak. tak der yg hinenyer punk nih. selagi kite menghayatinyer dengan betul dan nowwhy2 yg btol takkan terpesong punye laa.

nama: emma ahmad
nickname: eMMa
umur: 19
lokasi: Tennessee, USA (org bukit payung tapi)
email: bintang_hati@hotmail.com

1) Kalau punk itu sekor binatang, punk tu serupa macam bewok (biawak) kot. Sebab perkataan bewok tu hodoh tapi hakikatnya tak la hodoh, tak la lawa. punk tu sejenis culture budak-budak zaman sekarang yang berasal dari tanah Bush ni. Budak-budak jadi punk sbb nok dapat perhatian kot, ataupun saje je nebeng nok tunjuk berani/debe semua. Satu lagi orang slni suka kate 'I get punked' bila kena buat jahat di-orang.
2) Kalau budak-budak punk tak hisap dadah, jaga semayang, hormat ibubapa, dengar kata cikgu, bakpe tadok mase depangnyer.

3) Tapi kalau sebut punk memang org ingat bende jahat lar. Budak-budak jahat pun org panggil punk samada bdk2 tu punk yg sejati atau tidak.

4) Musik punk pun best gok, macam Greenday. Tapi hok leni hampeh banyok. Dok tahu ahh, dok minat
ane ngat.

5) Straight edge tu drug-free life. Saye tak sure. tapi straight edge tu lawan kehidupan tak sihat lar walaupun
mengekalkan image rock/punk rock. Macam satu prinsip nak ade full control of life dengan cara yang kononnya kurang skema, sebab skema-skema ni uncool kot. Maybe straight edge ni satu bende positif. Interesting gok projek awok ni.

nama: muhd amirull
nickname: xemo boyotx
umur: 19
lokasi: subang jaya
email: xkasehkupergix@yahoo.co.uk

1. Pada pendapat anda, ape die menatang 'punk tu?
Bagi aku,punk itu ialah kebebasan untuk kit bersuara apa yang kita mahu ttg alam kehidu pan kita. Rambut mohawk dengan dengar se pistol takkan jadikan kamu punk sejati. Pun hanya mengenai diri kamu dan itu lah punk.

2. Apa terlintas pada fikiran anda bila terdeng perkataan 'punk'?
Punk itu ialah keindahan dalam pemberontaka diri melalui medium musik dan penulisan da itulah punk
yang tulen.

3. Adakah anda merasakan punk itu adala kotor, hina atau takde masa depan?
Punk bukan ttg makan sampah, seks beba meludah-ludah masa gig dan lain-lain. lanya ada masa depan dan ada matlamat yang per dicapai. Biar pun perlahan, pastikan punk itu akan menjadi senjata yang "tajam" dala masyarakat kita kelak..insya ALLAH.

Oh.sXe. Bagi aku sendri sxe ini ialah filosofi yan sebenarnya melengkapkan lagi punk itu agar menjadi lebih positif dan membina lagi. Per mampus dan mati sahaja kepada sesiapa yan menganggap sxe itu satu trend nama yang ko engan xxxxx yang panjang dan berjela-jel Kamu sxe tegar, orang akan memandang kam sebagai sxe yang sebenar. Usah biarkan s dijadikan juga batu penghalang jalanan yan amat besar dalam scene hc dan punk itu sendi Sxe ialah mengenai remaja punk yang posi dan
mahu membantu rakan-rakan nya yang la menjadi positif sepertinya.

"punk tu serupa macam bewok (biawak) kot. Sebab perkataan bewok tu hodoh tapi hakikatnya ta la hodoh, tak la lawa"

nama:Salleh
nickname:Black Beetle
umur:23
lokasi:Rumah
email:kau dah tahu

1. Pada pendapat anda, ape die menatang 'punk' tu?

Pada mulanya satu pemberontakan dengan cara meluahkan rasa tidak puas hati para pemuda dalam bentuk muzik. Sekarang lebih kepada muzik sahaja ala dalam diri kita tak kira siapa saja ada anasir punk tapi bukan dari segi fizikal tapi dari segi mental ajer!

2. Apa terlintas pada fikiran anda bila terdengar perkataan 'punk'?
Takder apa biasa ajer sebab aku pun ada sedikit punk apa! Nak kena pelempang ker?

3. Adakah anda merasakan punk itu adalah kotor, hina atau takde masa depan?
Memang takder masa depan (dari segi meterial) tapi dari segi mental dapat meningkatkan kekuatan cara berfikir takder la kotor masyarakat yang tak tau apa jer yang kata kotor yang merosakkannya budak baru nak naik (macam budak kampung yang baru kenal KL!).

nama: malik
nickname: malik
umur: 27
lokasi: sg besi, kl
email: amfyasin@yahoo.co.uk

1. Pada pendapat anda, ape die menatang 'punk' tu?
Kalau refer kat kamus, punk ni maknanya "Of poor quality; worthless", "Weak in spirits or health". Melihat pada maknanya, jelas tergambar imej negatif. Pada kebanyakan kita, punk ini hanya mewakili cabang musik rock. atau/dan cara fesyen pemakaian. Tapi sedar atau tidak, punk sebenarnya lebih dari itu. Ia adalah satu bentuk seni. Ada yang menganggap ia satu budaya. Pada pendapat peribadi aku, punk sebenarnya ialah cara berfikir, satu idea. "State of mind". Prinsip asasnya, ringkas dan jujur. SIMPLE & STRAIGHT FOWARD. Itu paling penting. Dari idea itu la terhasilnya punk yang TIDAK membawa maksud "Of poor quality; worthless", "Weak in spirits or health".

Dari idea itulah terciptanya punk. Dari idea itulah wujud-nya kugiran Ramones. Simple (3 chord, verse-chorus-verse-chorus no-time-for-guitar solo), straight foward (I wanna be sedated). Dan idea itulah yang membezakan di antara punk dengan rock n' roll, dengan heavy metal yang masing-masing membawa imej rebel, anti establishment, anti normality. Kalau nak cakap punk itu kotor, rock n' roll pun kotor. kalau nak cakap punk itu bising, heavy metal lagi bising.

So, apa2 yang simple and straight forward, ia adalah punk. Tak kira cara kita dengar musik, main musik, pakai baju, pegi kerja, makan nasi. Selagi kita kita simple, selagi kita jujur, kita punk.

So apa menatang punk tu? Simple and straight forward.

2. Apa terlintas pada fikiran anda bila terdengar perkataan 'punk'?
Ramones

3. Adakah anda merasakan punk itu adalah kotor, hina atau takde masa depan?
Punk itu idea, bukannya benda berbau, bukannya orang. Ia akan kotor dan hina jika idea itu disalah gunakan. Bukan semua benda dalam kehidupan ini boleh di"simple"kan dan di "straight forwardkan". Pandai-pandailah kita pilih. Adakah punk takde masa depan? Selagi kehidupan ini masih simple, masih jujur, selagi itu punk ada. P/s: in memory johnny ramone 1949 -2004





Kita tengok apa kata
SURVEY!

BAKPe HANYAR BILIK KUBANG

Bilik hanyar kubang banyok surat!
Haritu member kolej aku ketawa kat aku sebab aku selalu dapat surat. Dia ketawa sebab semua surat yang aku dapat dari lelaki. Hahaha, apa dia ingat aku ni penyanyi kumpulan new boyz ke nak dapat banyak surat dari awek aje. Pang!!! (aku suka lah tulis ayat Pang! Tu, tatau apsal). Hah amik ko baca surat yang aku masih simpan dan rasa nak kongsi.

Kpd saudara xnizangx serta family juga Jellybelly members dan rakan-rakan, harapnya semua sihat di samping org tersayang. Bagaimana keadaan ko, ok ke tak? Study ko biler habis? Aku skang studi kat ILP (Kucai Lama, KL) tinggal 6 bulan jer lagi. Amik cos electrical, so lps nih aku pon x tau nak buat ape. Lagipun otak aku nih sdg memikirkan pasal kewangan. Oh...yak o balik ganu baper kali dlm sebulan? Yerlah...mana tau letter aku nih ko balas lambat (pasal ko kat KL...). Sbb kadang2 t'fikir gak aku (biler kat I.L.P la...ttg surat2 yang aku hantar, berbalas ke idak.
Whateverlah, so skang aper aktiviti t'baru (label, zine, bands, gig) juga kegiatan kemasyarakatan (community coalition collective) serta lain2? Boleh beri info mengenainya. Hmm dlm banyak2 bdk ganu, aku rasa ko nampak aktif (contohnya biler ko kat KL) dan aku rasa bebudak kat ganu pun sibuk, ngan aktiviti harian/pembelajaran. Lagipun memember ko banyak yg belajar (dengar2 kat Johor pun ader). So, yg terbaru dr Nervous Ent selain Dully Dog, pasal aku dengar Kasih Sayang dah rilis material under Ronin Distro. Betul ke? Siap ada booklet kalo saper beli. Giler btol bebudak Ganu nih, abih summer pro-print.
Hmm... tahun nie bebudak ko ader buat gig tak? (kat KL). So kalo ader gig/fest (mcm old-skool hc, hc fest ke aper2) info la kat aku. Pasal tahun nie aku nak kurangkan partisipasi aku (pasal tahun nie nak hadapi exam test, yg mana ianya penting buat aku, kalo gagal mmg gelap la masa depan ...alahai kasim...). Dalam pada itu, ko tau tak camner nak contact Second Combat (addressnya, pasal itu hari aku ader send kat diorang, aku letak nama Ein. Aku tak tau lar dier ader terime ke idak?
Nizang, ko ader dengar isu hangat bebaru nie tak? Ala pasal punk (ntv7). Yang mana ader sekumpulan punkers yang memukul sehingga koma seorang budak masa time new year itu hari (kalau tak salah aku skinhead?-ed). Yang menjadi persoalan adalah di mana punk itu sebenarnya? Adakah ianya keganasan @ pemikiran yg dibetuk oleh kita sendiri. Tanpa mengambil kira acuan dari Barat (kecuali muzikalnya). Perlukah idea punk itu berbentuk negative seperti yang digambar oleh sesetengah pihak? Adakah ko raser yang media ntv7 perlu diboikot atas sbb pendedahan-nya, yang mana kita selalu menuding jari dgn menyatakan media adalah perosak. Tetapi relevannya isu ini kerana ianya adalah reality dan bukannya olok-olok. Jika begitulah, mmg patut kita boikot. Tapi kalo dah sampai bapa si mati (yang meninggal dunia setelah koma) menaruh dendam pada punk. So, takkan kita yg memahami (setengahnyalah, pasal kalo sumer paham bentuk idea punk sebenarnya, takkan ada yang mati pasal perkara remeh?). Punk itu "bagaimana" harus berdiam diri. Aku pun tak taulah Nizang, so apa pula pendapat ko? Dalam pada itu, aku ingin info mengenai perkara profit yg dilakukan oleh Blue Planet, pasal aku sedikit konfius mengenainya.
Buy buy. Awek denyut ko camner. Ahaks.



73100 Johol, Negeri Sembilan.

Entahlah, yang pasti sesetengah "punk" itu tiada klu lansung apa itu punk sebenarnya. Apa boleh kita buat? Jika sesame "punk" sendiri pun kita tak boleh tegur dan educate, apatah lagi kita nak tegur dan educate mereka di arus perdana. So, mula sebarkan leaflet/newsletter pada kawan-kawan "punk" anda yang anda rasa clueless untuk menyuntik sedikit idea. Bukan setakat kenalan andalah, tetapi siapa saja samada di gig, di jalanan, di jamming studio. Memang ia memerlukan keberanian yang tinggi. Punk akan mati tanpa keberanian! Ia memang sukar. Dalam isu di atas, memang media tidak patut dipersalahkan. Tapi "clueless-punks" itu sendiri-ed

Kepada nizang yang jauh di mata tapi dekat di hati. Sebena-mya ni, aku baru je balik dari stesen bas Larkin. Gi jumpa Pat, Kerk dan jugak Alip (budak punk Singapore). Saja dok sembang2 dengan diorang.
Peh lama jugak kita tak berutus surat ye!!! Oh ya, ko pun dah keja kat 'design house' yeee!? Um, memang designer ni memang tertekan sikit kalau kerja di bawah orang. Aku pun tahan 2-3 tahun je kerja dengan tempat2 design ni...Pastu aku blah pergi kerja buat film==> color separation. Lagi best, dapat berkenalan dengan macam2 designer yg dah old-timer punya! Ha! Ha! Ha! Tapi sekarang, aku stay pd Sireh. Kira bisnes sendiri la...kecik-kecik aje!! Buat pun dekat rumah. Takda opis lagi. Yg dekat Plaza Seni tu, aku tutup sebab aku tak terbawak

koleksizine.blogspot.com